

# PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

## 2016 - 2020

“MENERAJUI PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN  
PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR SECARA BERKEKALAN”



# ISI KANDUNGAN

## BAHAGIAN I: PENGENALAN

|  |    |
|--|----|
| Latar Belakang                                       | 5  |
| Fungsi Kementerian                                   | 8  |
| Ringkasan Pencapaian Pelan Strategik NRE 2011 - 2015 | 9  |
| Senarai <i>Stakeholders</i> dan Pelanggan            | 18 |
| Analisis Persekitaran                                | 19 |

## BAHAGIAN II: HALA TUJU STRATEGIK

|                         |           |
|-------------------------|-----------|
| Visi, Misi dan Objektif | 24        |
| Nilai-Nilai Bersama     | 25        |
| Cabaran dan Halatuju    | 26        |
| Teras-Teras Strategik   | 27        |
| Pelan Tindakan          |           |
| Teras 1                 | 31        |
| Teras 2                 | 36        |
| Teras 3                 | 39        |
| <b>PENUTUP</b>          | <b>40</b> |

BAHAGIAN I:  
PENGENALAN

# LATAR BELAKANG

Penstrukturan semula Kabinet pada 27 Mac 2004, telah membawa kepada penubuhan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Kementerian yang ditubuhkan ini merupakan hasil gabungan 4 portfolio Kementerian sebelum ini iaitu Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi; Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; Kementerian Perusahaan Utama; dan Kementerian Pertanian. Penggabungan portfolio telah meletakkan beberapa jabatan dan agensi daripada Kementerian tersebut di bawah satu bumbung NRE seperti berikut:

## **Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
- Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

## **Kementerian Perusahaan Utama**

- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS)
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

## **Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar**

- Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

## **Kementerian Pertanian**

- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
- Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM)

Pelan Strategik Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar disediakan bagi menyokong 3 teras strategik iaitu Pengurusan Sumber Air, Geologi dan Tanah yang Lestari; Pengurusan Alam Sekitar, Biodiversiti, dan Hutan yang Lestari dan Pengurusan Tadbir Urus Organisasi yang Cepak dan Berkesan di mana di bawah 3 teras ini terdapat bidang-bidang utama **NRE** sebagaimana berikut:

### PENGURUSAN SUMBER AIR, GEOLOGI DAN TANAH YANG LESTARI

- Pengurusan Air
  - Geologi
  - Tanah
- Geospasial

### PENGURUSAN ALAM SEKITAR, BIODIVERSITI DAN HUTAN YANG LESTARI

- Pengurusan Alam Sekitar
  - Biodiversiti
  - Perhutanan

### PENGURUSAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEPAK DAN BERKESAN

- Pentadbiran
  - Kewangan dan Perolehan
- Perancangan Strategik dan Antarabangsa
  - Parlimen, Kabinet dan Keurusetiaan
    - Pengurusan Sumber Manusia
      - Pengurusan Maklumat
        - Pembangunan
      - Komunikasi Korporat
        - Audit Dalam
          - Akaun
  - Undang-Undang
    - Integriti
    - Unit KPI


## BAHAGIAN-BAHAGIAN NRE

Bahagian Mineral dan Geosains (BMG)  
Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BBP)  
Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi (BSASH)  
Bahagian Tanah Ukur dan Pemetaan (BTUP)  
Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (BPASPI)  
Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)  
Bahagian Pembangunan (BP)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPM)  
Bahagian Pentadbiran (BT)  
Bahagian Kewangan dan Perolehan (BKeP)  
Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA)  
Bahagian Parlimen, Kabinet dan Keurusetiaan (BPKU)  
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)  
Bahagian Akaun (BA)  
Unit Audit Dalam (UAD)  
Unit Undang-undang (UUU)  
Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Unit Integriti (UI)  
Unit KPI

## JABATAN-JABATAN NRE

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)  
Jabatan Alam Sekitar (JAS)  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)  
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)  
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)  
Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM)  
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)  
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)  
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)  
Jabatan BioKeselamatan (JBK)

# FUNGSI KEMENTERIAN








# RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK NRE 2011-2015


## TERAS 1: PENGURUSAN AIR, GEOLOGI DAN TANAH YANG LESTARI

### TERAS 1: PENGURUSAN AIR




# TERAS 1: GEOLOGI






## TERAS 1: PENGURUSAN TANAH






## TERAS 1: PENGURUSAN GEOSPATIAL




## TERAS 2: PENGURUSAN ALAM SEKITAR, BIODIVERSITI & HUTAN TERPELIHARA


### TERAS 2: PENGURUSAN ALAM SEKITAR







## TERAS 2: BIODIVERSITI & HUTAN TERPELIHARA




## TERAS 3: PENGURUSAN AM KEMENTERIAN









## SENARAI *STAKEHOLDERS* DAN PELANGGAN


### **PELANGGAN**

- Warga NRE
- Orang Awam
- Jabatan/ Agensi di bawah NRE
- Kementerian/ Agensi Luar

### ***STAKEHOLDERS***

- Ahli-ahli Parlimen
- Pertubuhan Serantau/ Antarabangsa
  - Kerajaan Asing/ Luar Negara

# ANALISIS PERSEKITARAN



## 1) FOKUS UTAMA RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK -11)

Pelan strategik ini akan tertumpu dan berpandukan kepada bidang fokus utama NRE yang selaras dengan bidang fokus Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020 di mana, Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020 melalui pembangunan rendah karbon, berdaya tahan dan inklusif serta penggunaan sumber yang cekap. Pembangunan sosioekonomi akan beralih daripada trajektori pembangunan konvensional "*grow first, clean-up later*" yang berkos tinggi kepada trajektori pertumbuhan hijau yang akan memastikan pembangunan sosioekonomi dilaksanakan secara mampan bermula pada peringkat perancangan dan seterusnya pada peringkat pelaksanaan dan penilaian. Sumber asli yang terhad sekiranya tidak digunakan dengan cekap akan mendatangkan risiko kepada pembangunan sosioekonomi Negara selain merosakkan alam sekitar.

Pertumbuhan hijau adalah peneraju perubahan kerana ia bukan hanya merupakan teras strategik sendiri tetapi ia adalah trajektori pembangunan yang merangkumi tiga tonggak pembangunan mampan – ekonomi, sosial dan alam sekitar, dan membolehkan Negara menghadapi cabaran masa hadapan dengan lebih baik. Kejayaan pelaksanaan pertumbuhan hijau akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mengubah pemikiran dan tingkah laku masyarakat serta mempengaruhi dasar Kerajaan, strategi pengeluaran dalam industri dan corak penggunaan individu. Ini akan memperbetulkan persepsi terhadap pertumbuhan hijau daripada yang meningkatkan kos kepada pelaburan jangka masa panjang.

RMK-11 2016 – 2020 mengharapkan agar pertumbuhan hijau akan menjadi anjakan penting dalam mencorak pembangunan sosioekonomi Negara serta melindungi hasil pembangunan dan biodiversiti. Dengan itu, perancangan strategi pembangunan sosioekonomi yang dapat meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam adalah kritikal. Melalui pemulihan biodiversiti, peranannya sebagai pemampan semula jadi terhadap impak perubahan iklim dan bencana alam akan terus ditingkatkan. Langkah ini akan diperkukuh lagi dengan pendekatan berstruktur seperti tebatan banjir dan infrastruktur hijau serta pendekatan tidak berstruktur seperti pemetaan kawasan berbahaya dan sistem amaran awal. Usaha ini akan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

## 2) ***United Nations Conference on Sustainable Development (Rio+20)***

*United Nations Conference on Sustainable Development* (UNCSD) juga dikenali sebagai Rio+20 atau *Earth Summit 2012* yang telah diadakan pada 20 sehingga 22 Jun 2012, merupakan persidangan Antarabangsa yang ketiga (ke-3) berkenaan pembangunan mampan yang bertujuan untuk mengharmonikan matlamat ekonomi dan alam sekitar masyarakat global. Dua (2) bidang fokus utama persidangan ini adalah seperti berikut:

- i. *Green economy in the context of sustainable development poverty eradication*; dan
- ii. *Institutional framework for sustainable development*.

Antara hasil persidangan tersebut adalah perkara-perkara seperti berikut:

- i. Membuat keputusan untuk membangunkan *Sustainable Development Goals* (SDGs) bagi menggantikan *Millennium Development Goals* (MDGs) dan akan diselaraskan dengan pasca agenda pembangunan 2015;
- ii. Menerima pakai garis panduan yang *ground-breaking* mengenai dasar-dasar ekonomi hijau;


- iii. Mempersetujui resolusi yang telah diadaptasi ke dalam penghasilan dokumen yang bertajuk "*The Future That We Want*";
- iv. Menubuhkan proses antara kerajaan di bawah seliaan UN *General Assembly* untuk menyediakan pilihan strategi untuk pembiayaan pembangunan mampan;
- v. Mengukuhkan *United Nations Environment Programme* (UNEP);
- vi. Menerima pakai rangka kerja "*10 year Framework of Programmes on Sustainable Development and Production Patterns*"; dan
- vii. Mewujudkan satu forum politik di peringkat tertinggi bagi pembangunan mampan.

Keterlibatan NRE dalam persidangan yang diadakan adalah penting dalam mencapai persepakatan dan komitmen politik di antara Ketua-ketua Negara dan kerajaan bagi merangka tindakan dan program dalam mengatasi isu-isu berkaitan pembangunan mampan. NRE turut bertanggungjawab dalam mematuhi obligasi-obligasi hasil persidangan ini.

### 3) **SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)**

Pada 25 September 2015, sebanyak 193 negara daripada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah bersetuju untuk menerima pakai matlamat pembangunan mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) melalui agenda yang secara rasminya dikenali sebagai *Transforming Our World: the 2030 Agenda for Sustainable Development* yang bertujuan untuk menamatkan kemiskinan, melawan ketidaksetaraan dan ketidakadilan, dan menangani perubahan iklim menjelang tahun 2030. SDGs ini adalah bagi menggantikan *Millennium Development Goals* (MDGs) yang telah tamat pada tahun 2015. Konsep SDGs ini telah diilhamkan di *United Nations Conference on Sustainable Development, Rio+20* pada tahun 2012. Secara ringkasnya, SDGs yang baharu ini mempunyai agenda kemampanan yang lebih luas iaitu cuba menangani punca kemiskinan dan keperluan pembangunan yang boleh digunapakai untuk semua orang. Oleh yang demikian, objektif utama SDGs adalah untuk menghasilkan satu set matlamat universal yang seimbang dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Agenda SDGs ini merupakan pelan tindakan bagi memastikan kemakmuran manusia dan planet dengan mengimbangkan pembangunan dan alam sekitar. SDGs ini mengandungi 17 matlamat dan 169 sasaran yang menunjukkan kesungguhan untuk mengambil langkah-langkah berani dan transformatif yang amat diperlukan untuk mengalihkan dunia ke jalan yang mampan dan berdaya tahan. 17 SDGs adalah seperti berikut:



Malaysia sebagai negara anggota, perlu mengadaptasi SDGs yang berkaitan dengan sumber asli dan alam sekitar dalam Pelan Strategik NRE bagi merangka dan mencadangkan program – program Kementerian. Ini adalah bagi menunjukkan komitmen dan kesungguhan negara dalam merealisasi objektif nasional dan antarabangsa dalam pembangunan mampan.

BAHAGIAN II:  
HALA TUJU  
STRATEGIK

# VISI, MISI DAN OBJEKTIF

## VISI

- Menerajui pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar secara berkekalan

## MISI

- Menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dalam pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar sejajar dengan wawasan negara melalui:
- Perancangan bersepadu program dan aktiviti semua jabatan dan agensi.
- Pengembelengan secara optimum guna tenaga, teknologi terkini dan sumber kewangan;
- Pembangunan sumber asli secara optimum untuk menyokong aktiviti nilai tambah;
- Peningkatan dan pengukuhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- Penyebaran dan perkongsian input teknikal dan pengurusan pangkalan data yang berkesan;
- Kerjasama berkesan dengan semua peringkat sektor awam, swasta dan antarabangsa; dan
- Peningkatan kemahiran dan pengetahuan melalui latihan secara sistematik dan berkesan.

## OBJEKTIF

- Membantu ke arah pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar yang optimum melalui perancangan penggunaan sumber yang cekap, pembangunan modal insan dan pematuhan undang-undang dan perjanjian antarabangsa



# NILAI-NILAI BERSAMA

## INTEGRITI

- Melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan demi kepentingan awam dan bukan kepentingan diri sendiri

## KERJA BERPASUKAN

- Tidak melakukan kerja secara silo dan saling bantu-membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi

## KECEMERLANGAN

- Mengekalkan tahap kecemerlangan dan pencapaian yang unggul, terbaik dan tertinggi dalam semua aspek

## INOVATIF

- Melaksanakan penambahbaikan proses kerja serta menjalankan setiap tugas dan tanggungjawab yang diberi secara kreatif

## SENTIASA RELEVAN

- Memastikan dasar-dasar Kementerian sentiasa mengikut keperluan, perubahan dan trend semasa

## PROAKTIF DAN RESPONSIF

- Berfikir dan mengambil tindakan sebelum sesuatu isu atau permasalahan wujud

# CABARAN DAN HALATUJU

## KEWANGAN

- Mengoptimumkan perancangan dan perbelanjaan kewangan selaras dengan saranan YBhg. Tan Sri KSN ke arah perbelanjaan berhemah
- Melaksanakan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*)

## SUMBER MANUSIA

- Meningkatkan kepakaran warga NRE di dalam bidang sumber asli dan alam sekitar
- Melaksanakan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) bagi meluaskan kawasan penguatkuasaan

## PERUNDANGAN

Meningkatkan pematuhan terhadap undang-undang nasional dan antarabangsa

## INFRASTRUKTUR

- Usahasama berpanjangan dengan agensi-agensi dalam dan luar Negara bagi percambahan idea, perkongsian maklumat, kepakaran dan, *soft and hard infrastructure*

## KOLABORASI

- Meningkatkan kerjasama dan usahasama antara Kementerian dan Kerajaan Negeri
- Meningkatkan kerjasama dan usahasama antarabangsa

## ORANG AWAM

- Meningkatkan kesedaran sumber asli dan alam sekitar
- Meningkatkan penglibatan orang awam dalam pemeliharaan

## TERAS – TERAS STRATEGIK

### TERAS 1: PENGURUSAN SUMBER AIR, GEOLOGI DAN TANAH YANG LESTARI

- STRATEGI I: MEMASTIKAN TADBIR URUS PENGURUSAN SUMBER AIR YANG BERKESAN
- STRATEGI II: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN SUMBER GEOLOGI YANG BERKESAN
- STRATEGI III: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH DAN GEOSPATIAL YANG EFEKTIF DAN BERKESAN

### TERAS 2: PENGURUSAN ALAM SEKITAR, BIODIVERSITI DAN HUTAN YANG LESTARI

- STRATEGI I: PENGURUSAN ALAM SEKITAR YANG BERKUALITI
- STRATEGI II: KONSERVASI BIODIVERSITI YANG BERKESAN DAN PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

### TERAS 3: PENGURUSAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEKAP DAN BERKESAN

- STRATEGI I: PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI ORGANISASI
- STRATEGI II: MEMANTAPKAN TADBIR URUS KEMENTERIAN

# TERAS 1 : PENGURUSAN SUMBER AIR, GEOLOGI DAN TANAH YANG LESTARI

## BIDANG UTAMA

- PENGURUSAN AIR
  - GEOLOGI
- TANAH DAN GEOSPATIAL

## A. PENGENALAN


Pengurusan sumber asli secara terancang menjadi agenda penting dalam alaf ini kerana ia mempunyai kaitan dengan pembangunan lestari. Pengurusan sumber asli yang terancang bagi memulihara alam sekitar adalah menjadi kemestian bagi menjamin sumber ini kekal menjadi warisan alam untuk keperluan generasi masa kini dan juga untuk generasi akan datang. Kedapatan sumber asli di masa akan datang adalah bergantung kepada kebijaksanaan generasi masa kini mengurus sumber-sumber asli yang ada pada masa sekarang.

Teras ini memberi penekanan kepada aspek penambahbaikan terhadap perancangan dan pengurusan berhubung pelaksanaan dasar, perundangan, institusi dan program berkaitan sumber asli. Penekanan ini perlu dilaksanakan seiring dengan keperluan negara dan kehendak masyarakat dunia secara keseluruhannya untuk memenuhi tuntutan masa kini dan masa akan datang.


Pengurusan sumber asli merangkumi pengurusan beberapa bidang utama iaitu air, geologi, tanah dan geospacial. Usaha-usaha pengurusan sumber asli ini diterajui oleh beberapa jabatan dan institusi yang bertanggungjawab secara spesifik untuk merancang, melaksana dan mengawal semua program berkaitan dengan bidang utama masing-masing. Institusi latihan dan institusi penyelidikan juga ditubuhkan bagi memastikan kakitangan awam dilatih supaya kompeten dalam bidang tugas yang di bawah bidang-bidang utama ini. Institusi penyelidikan juga memainkan peranan bagi menghasilkan produk-produk baru yang lebih berinovasi dan berdaya saing tinggi.

**B. BIDANG UTAMA**


Bidang-bidang utama di bawah Pengurusan Sumber Air, Geologi dan Tanah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian, Jabatan dan Agensi seperti berikut:




C. PELAN TINDAKAN: STRATEGI I



D. PELAN TINDAKAN: STRATEGI II



E. PELAN TINDAKAN: STRATEGI III





# TERAS 2 : PENGURUSAN ALAM SEKITAR, BIODIVERSITI DAN HUTAN YANG LESTARI

## BIDANG UTAMA

- ALAM SEKITAR
- BIODIVERSITI &  
PERHUTANAN

## A. PENGENALAN


Malaysia telah mengalami pembangunan yang pesat sejak kemerdekaan. Oleh kerana negara telah menyasarkan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 maka penjagaan alam sekitar perlu diberi tumpuan dan perhatian oleh kerajaan. Ini adalah kerana kerajaan sentiasa sedar akan kepentingan untuk mengimbangi pembangunan fizikal, ekonomi, pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber air negara untuk kesejahteraan hidup rakyat pada masa akan datang. Selain daripada itu, kos pemulihan dan kerosakan yang perlu ditanggung adalah jauh lebih tinggi akibat daripada kemusnahan alam sekitar yang tidak dikawal.

Dasar Alam Sekitar Negara dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 merupakan asas kepada pengurusan alam sekitar di negara kita. JAS menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling sementara BPASPI bertanggungjawab ke atas polisi yang berkaitan dengan alam sekitar dan perubahan iklim.

Memandangkan pengurusan alam sekitar, biodiversiti dan perhutanan merupakan isu penting kepada kesejahteraan negara, maka pelbagai program telah dirangka supaya alam sekitar diurus secara lestari. Program yang dirancang bertujuan untuk meningkatkan kualiti alam biodiversiti dan perhutanan melalui pemantapan akta sedia ada dan peningkatan kesedaran di setiap lapisan masyarakat. Bagi melaksanakan projek alam sekitar yang dapat memberi faedah kepada alam sekitar global secara berkesan, NRE akan turut mengoptimumkan sumber kewangan antarabangsa. Selain daripada itu, NRE akan memastikan obligasi-obligasi negara dalam pelbagai konvensyen alam sekitar antarabangsa dipenuhi bagi memelihara imej baik negara.

**B. BIDANG UTAMA**

Bidang-bidang utama di bawah Alam Sekitar, Biodiversiti dan Perhutanan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian, Jabatan dan Agensi seperti berikut:



### C. PELAN TINDAKAN: STRATEGI I

| ALAM SEKITAR:<br>BPASPI  | Program/Inisiatif/Aktiviti   | Sasaran 2016 – 2020  |
|--|--|--|
| STRATEGI I:<br>PENGURUSAN<br>ALAM SEKITAR<br>YANG BERKUALITI<br>& BERKESAN | <p>→ <b>Program 1</b></p> <p>Pemantapan tadbir urus perubahan iklim</p>                              | <p>→ • Penubuhan Pusat Perubahan Iklim Kebangsaan (NCCC)</p>   |
|  | <p>→ <b>Program 2</b></p> <p>Memanaft dana luar bagi pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim</p> | <p>→ • Pengurusan Dana <i>Global Environment Facility</i> ke-6 (GEF6) bagi membiayai projek-projek yang berkaitan.</p> |
|  | <p>→ <b>Program 3</b></p> <p>Pemantapan pengurusan bahan kimia berbahaya</p>                         | <p>→ • Penubuhan Lembaga Kimia Kebangsaan</p>  |
|  | <p>→ <b>Program 4</b></p> <p>Pengurusan jerebu secara berkesan</p>                                   | <p>→ • Penambahbaikan <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.</p>                  |

### D. PELAN TINDAKAN: STRATEGI II

| BIODIVERSITI &<br>PERHUTANAN :<br>BBP  | Program/Inisiatif/Aktiviti   | Sasaran 2016 – 2020  |
|--|--|--|
| STRATEGI II:<br>KONSERVASI<br>BIODIVERSITI<br>YANG<br>BERKESAN DAN<br>PENGURUSAN<br>HUTAN SECARA<br>BERKEKALAN | <p>→ <b>Program 1</b></p> <p>Pengekalan kawasan perlindungan terrestrial dan marin ke arah pemuliharaan biodiversiti</p>           | <p>→ Sekurang-kurangnya 20% kawasan terrestrial dan 10% kawasan marin/perairan dilindungi melalui kaedah/ sistem perlindungan yang diiktiraf</p> |
|  | <p>→ <b>Program 2</b></p> <p>Memastikan akses kepada sumber biodiversiti Negara terkawal dan faedahnya dikongsi secara saksama</p> | <p>→ 1 Akta Akses Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah diwartakan</p>   |


# TERAS 3 : PENGURUSAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEKAP DAN BERKESAN

## BIDANG UTAMA

- PENTADBIRAN
- KEWANGAN DAN PEROLEHAN
- PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
- PARLIMEN, KABINET DAN KEURUSETIAAN
  - PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
  - PENGURUSAN MAKLUMAT
- PEMBANGUNAN
- KOMUNIKASI KORPORAT
- AUDIT DALAM
- UNDANG-UNDANG
- INTEGRITI
  - AKAUN
  - KPI

**A. PENGENALAN**

Bidang-bidang utama di bawah Pengurusan Am Kementerian dipertanggungjawabkan kepada Bahagian di NRE seperti berikut:



## B. PELAN TINDAKAN: STRATEGI I

| PENGURUSAN AM   | Program/Inisiatif/Aktiviti  | Sasaran 2016 – 2020   |
|---|---|---|
| STRATEGI I:<br>PEMBUDAYAAN<br>NILAI-NILAI<br>ORGANISASI | <p>→ <b>Program 1 (BT &amp; BKEP)</b> →</p> <p>Membudayakan nilai-nilai akauntabiliti</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pematuhan kepada nilai-nilai integriti</li> <li>• Mendapat pencapaian tertinggi dalam pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti jabatan audit negara</li> <li>• Mematuhi semua pelaksanaan arahan daripada agensi-agensi pusat seperti EPU, JPA, ICU, MAMPU dan MOF</li> </ul> |
|   | <p>→ <b>Program 2 (semua)</b> →</p> <p>Membudayakan sistem kawalan dalaman</p>            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi semua pelaksanaan arahan daripada agensi-agensi pusat seperti EPU, JPA, ICU, MAMPU dan MOF</li> <li>• Mengekalkan pencapaian tertinggi dalam Sistem Penarafan Bintang (SSR) mampu</li> </ul>  |

## C. PELAN TINDAKAN: STRATEGI II

| STRATEGI II:<br>MEMANTAPKAN<br>TADBIR URUS<br>KEMENTERIAN | Program/Inisiatif/Aktiviti   | Sasaran 2016 – 2020   |
|---|--|---|
|   | <p>→ <b>Program 1 (BPSA)</b> →</p> <p>Memantapkan pasukan perunding negara untuk rundingan dalam perjanjian Antarabangsa bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu pasukan perunding yang khusus diwujudkan untuk mewakili rundingan negara dalam rundingan antarabangsa</li> </ul>  |
|   | <p>→ <b>Program 2 (BPSA)</b> →</p> <p>Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Kementerian</p>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 Pelan Pengurusan Risiko diwujudkan dan dilaksanakan</li> </ul>   |
|   | <p>→ <b>Program 3 (BPSM)</b> →</p> <p>Pelan Penggantian bagi jawatan-jawatan utama dan strategik di jabatan/agensi (tidak termasuk FRIM)</p>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 90% daripada jawatan utama dan strategik telah mempunyai barisan pelapis.<br/>*sebanyak 31 jawatan utama dan strategik dikenalpasti (iaitu KP dan 2 orang TKP dari setiap jabatan (kecuali FRIM) serta hanya KP dari JBK)</li> </ul>   |
|   | <p>→ <b>Program 4 (BPM)</b> →</p> <p>Projek <i>Big Data Analytics</i> (BDA) NRE</p>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2016: Pembangunan rangka kerja <i>big data</i> NRE dan dua sistem <i>big data</i></li> <li>• 2017: Penyediaan infrastruktur <i>big data</i> NRE dan pembangunan tiga sistem <i>big data</i></li> <li>• 2018: Pelaksanaan kajian impak dan pembangunan empat sistem <i>big data</i></li> <li>• 2019: Pembangunan empat sistem <i>big data</i></li> <li>• 2020: Pelaksanaan kajian impak dan pembangunan empat sistem <i>big data</i></li> </ul> |

## **PENUTUP**

Penghasilan buku Pelan Strategik NRE ini adalah penting dalam membantu Kementerian untuk merealisasikan visi dan misi Kementerian sejajar dengan era perubahan dan perkembangan trend semasa yang semakin menitikberatkan isu-isu berkaitan sumber asli dan alam sekitar sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa. Sehubungan itu, pihak Kementerian perlu memastikan agar rancangan-rancangan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bergerak seiring dengan arus perubahan global melalui pengurusan sumber kewangan yang cekap dan sumber manusia yang kompeten bagi memastikan kejayaan rancangan-rancangan tersebut untuk mempertingkatkan daya saing negara. Dengan adanya pelan tindakan yang jelas, Kementerian akan berada di landasan yang betul dan dapat melaksanakan program-program tersebut mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
2016**